

AWAS

a) **Bahaya Kepada Manusia:** Berbahaya jika tertelan. Elakkan daripada terhidu wasap atau kabus semburan. Elakkan daripada terkena kulit atau mata. Ketika mengendalikan produk ini, **JANGAN** makan, minum atau merokok. Selepas mengendalikan produk ini, pastikan tutup bekas racun dengan rapat dan simpan di tempat berkunci yang mempunyai peredaran udara yang baik, kering dan dingin. Cuci alat penyembur sebersih-bersihnya selepas menggunakannya. Pastikan mandi sebersih-bersihnya menggunakan sabun dan air yang banyak.

Pakaian dan Alat Perlindungan: Ketika mengendalikan produk ini, pastikan pakai pakaian pelindung diri (PPE) berpiawaian termasuk sarung tangan, gogal, kasut getah, penutup muka dan alat pernafasan.

b) **Bahaya Pada Alam Sekitar:** Produk ini adalah berbahaya pada organisma akuatik dan ikan. **JANGAN** cemarkan kolam, sungai atau saliran air.

TANDA KERACUNAN

Berpeluh, pening, sakit kepala, pandangan kabur, mual, muntah, sesak nafas, kejang otot, cirit-birit dan besar ludah.

RAWATAN KECEMASAN

Tanggalkan pakaian yang terkena racun. Jika terkena pada kulit, basuh dengan menggunakan sabun dan air. Jika terkena pada mata, bersihkan dengan menggunakan air bersih yang banyak selama sekurang-kurangnya 15 minit. Jika tertelan, **JANGAN** ikhtiarkan pesakit itu muntah. Dapatkan rawatan perubatan dengan segera.

RAWATAN PERUBATAN

Suntik Atropina sulfat (2-4 mg) secara intravena atau intraotot. Ulang setiap 30 minit sehingga pesakit itu pulih dengan sepenuhnya. Kemudian suntik pralidoksim (1 g) secara intravena, jika perlu.

MEDICAL TREATMENT

Inject Atropine sulphate (2-4 mg) intravenously or intramuscularly. Repeat every 30 minutes until the patient is fully atropinised. Then administer pralidoxime (1 g) intravenously, if necessary.

D-MALATHION 96 UL

RACUN SERANGGA/ INSECTICIDE
CECAIR ISIPADU ULTRARENDAH (UL)




UNTUK DIKENDALIKAN OLEH ORANG YANG TERLATIH SAHAJA
(TO BE HANDLED BY TRAINED PERSONNEL ONLY)

Perawis Aktif: malathion 96.0% w/w
Perawis Lengai:4.0% w/w

No. Pendaftaran : LRMP. R1/9945 Kandungan Bersih : 20 liter

Tarikh Mengilang :

Didaftarkan oleh:

 **Bright Resource Technology Sdn. Bhd.** (517165-A)
No. 11-2, Jalan Meranti SD 13/4,
Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur, Malaysia.
Tel.: 03-6272 1678 Faks: 03-6272 9528

Jika berlaku **KERACUNAN**,
sila hubungi **TALIAN KECEMASAN:**



BACA LABEL SEBELUM GUNA



D-MALATHION 96 UL ialah sejenis racun serangga yang mengandungi perawis aktif daripada kumpulan 'organophosphate' yang bertindak secara sentuhan dan keracunan perut.

ATURAN PENGGUNAAN- Penggunaan tidak mengikut label adalah satu kesalahan di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974.

Serangga	Tempat	Cara Penyemburan	Kadar Campuran Racun	Kadar Penggunaan Racun Sehektar
Nyamuk (<i>Aedes albopictus</i> , <i>Culex quinquefasciatus</i>)	Luar Bangunan Sahaja	ULV	Guna secara terus tanpa mencairkan	440 ml
		Pengabutan therma	30 ml/ liter diesel	420 ml

Catatan: Masa yang paling sesuai digunakan ialah pada lewat petang dan awal pagi kerana masa itu aktiviti nyamuk paling aktif. Jangan guna pada hari yang panas. Kelajuan angin tidak boleh melebihi 6 km/j.

Panduan Membancuh

a) Pengabutan Therma- Disyor menggunakan alat pengabut therma. Isikan tangki setengah penuh dengan minyak diesel. Campurkan **D-MALATHION 96 UL** secukupnya mengikut syor yang ditetapkan dalam jadual sukatan dan bancuh. Jangan guna pada kadar yang lebih tinggi. Seterusnya tambah baki minyak diesel yang diperlukan dan kacau.

b) Semburan ULV- Disyor menggunakan mesin penyembur ULV. Isikan tangki dengan **D-MALATHION 96 UL** yang diperlukan seperti dalam jadual sukatan dan bancuh.

Panduan Menyembur

Sembur di luar bangunan sahaja. Lakukan semburan apabila terdapat kes penyakit bawaan vektor (nyamuk) terdeteksi di mana tindakan segera perlu diambil. Masa yang sesuai untuk menyembur ialah pada lewat petang dan awal pagi kerana aktiviti nyamuk adalah paling aktif pada waktu ini. Jangan guna pada hari yang panas. Kelajuan angin tidak boleh melebihi 5 km/jam. Jangan sembur berhampiran dengan makanan/ tempat penyediaan makanan termasuk makanan ternakan.

BILAS BEKAS KOSONG TIGA (3) KALI SEBELUM MELUPUSKANNYA. JANGAN GUNAKAN BEKAS RACUN UNTUK MENYIMPAN MAKANAN.

EMPTY PESTICIDE CONTAINER SHOULD BE TRIPLE RINSED BEFORE DISPOSAL. DO NOT USE EMPTY PESTICIDE CONTAINER TO STORE FOODSTUFF.

有害品
勿貯藏在靠近食品或
兒童所接觸的地方

HARMFUL
KEEP AWAY FROM
FOODSTUFF AND CHILDREN

KELAS III

BERBAHAYA
JAUHKAN DARIPADA
MAKANAN DAN KANAK-KANAK

தீங்கிழைப்பது
உணவுகள் மற்றும் குழந்தைகளுக்கு
அருகில் வைக்காதீர்